

### B. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Pulau Langkawi yang terletak \_\_\_\_\_(1)\_\_\_\_\_ Kedah memang terkenal \_\_\_\_\_(2)\_\_\_\_\_ legendanya yang tersendiri. Boleh dikatakan \_\_\_\_\_(3)\_\_\_\_\_ setiap cuti persekolahan, banyak orang akan berkunjung ke sana. Kebanyakan \_\_\_\_\_(4)\_\_\_\_\_ mereka akan berasa terpegun \_\_\_\_\_(5)\_\_\_\_\_ keindahan pantainya dan terpicat \_\_\_\_\_(6)\_\_\_\_\_ penduduknya yang ramah. Peluang mengunjungi pulau ini akan dirakamkan \_\_\_\_\_(7)\_\_\_\_\_ gambar-gambar kenangan untuk tatapan \_\_\_\_\_(8)\_\_\_\_\_ masa hadapan sebagai kenangan \_\_\_\_\_(9)\_\_\_\_\_ kehidupan masing-masing. Dari sini akan lahir rasa sayang \_\_\_\_\_(10)\_\_\_\_\_ negara tercinta ini.

- |              |            |               |          |
|--------------|------------|---------------|----------|
| 1. A di      | B ke       | 6. A dengan   | B oleh   |
| 2. A tentang | B dengan   | 7. A akan     | B dengan |
| 3. A pada    | B sejak    | 8. A di       | B pada   |
| 4. A dari    | B daripada | 9. A di dalam | B dalam  |
| 5. A oleh    | B dengan   | 10. A dengan  | B akan   |

### C. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Buku latihan kamu itu masih ada \_\_\_\_\_ guru kelas kita dan belum disemak.  
A pada B dengan
- Kami amat terpesona \_\_\_\_\_ kemerduan suara penyanyi itu kerana sangat merdu sekali.  
A oleh B dengan
- Mereka tinggal di perkampungan ini \_\_\_\_\_ sepuluh tahun yang lalu.  
A dari B sejak
- Kami amat curiga \_\_\_\_\_ kejujuran pemuda itu membantu kami tanpa sebarang balasan.  
A terhadap B atas
- Hadiah istimewa itu dibeli ayah khas \_\_\_\_\_ ibu sempena hari lahirnya esok.  
A pada B untuk
- Dia tidak hadir ke sekolah \_\_\_\_\_ dirinya tidak begitu sihat akibat kehujanan.  
A oleh sebab B oleh kerana
- Perbuatan terkutuk itu dipandang jijik \_\_\_\_\_ segi agama dan moral masyarakat kita.  
A dari B daripada
- Semua gambar itu akan kami gantung \_\_\_\_\_ dinding bilik darjah kami.  
A di B pada
- \_\_\_\_\_ kecil lagi dia dipelihara oleh neneknya kerana ibu bapanya mati kemalangan.  
A Sejak dari B Sejak

10. Tiada apa-apa hubungan antara saya \_\_\_\_\_ budak baharu di kelas ini.

A dan

B dengan

D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sani benar-benar tidak faham \_\_\_\_\_ pengajaran yang disampaikan oleh gurunya.

A terhadap

B akan

C tentang

D oleh

2. Para pelajar seharusnya mengambil berat mengenai peringatan yang disampaikan \_\_\_\_\_ keselamatan diri yang dicadangkan.

A oleh

B terhadap

C akan

D tentang

3. Tuan pengetua amat tertarik \_\_\_\_\_ kepintaran para pelajar beliau menjawab soalan kuiz itu.

A dengan

B pada

C tentang

D oleh

4. Emak menempah kek hari lahir itu khusus \_\_\_\_\_ kakak sulung kami.

A bagi

B untuk

C kepada

D terhadap

5. Unsur-unsur ganas yang ditayangkan di media elektronik mempunyai pengaruh yang mendalam \_\_\_\_\_ kanak-kanak.

A terhadap

B pada

C untuk

D akan

6. \_\_\_\_\_ kerjasama penduduk kampung, akhirnya jambatan itu siap dibina dan kini sudah dapat digunakan dengan selesa.

A Oleh

B Atas

C Antara

D Dalam

7. Kebanyakan penduduk di bandar akan pulang ke kampung \_\_\_\_\_ hari minggu.

A untuk

B di

C pada

D dengan

8. Rakyat diseru agar bekerja \_\_\_\_\_ tekunnya agar ekonomi negara akan berkembang.

A dengan

B akan

C untuk

D terhadap

9. Surat itu hendaklah diserahkan \_\_\_\_\_ sekolah tersebut untuk tindakan selanjutnya oleh pihak yang berkenaan.

A untuk

B kepada

C pada

D dengan

10. Kejayaan seseorang itu bergantung \_\_\_\_\_ usaha yang dilakukan olehnya.

A dengan

B kepada

C akan

D pada